

Struktur Bahasa dan Seni Pengimejan dalam Puisi *Mengenang-Mu* Karya Kemala: Kajian Retorik Berdasarkan Teori ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī

Linguistic Structure and Imagery in the Poem Mengenang-Mu by Kemala: A Rhetorical Study Based on the Theory of ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī

Anas, M. (Pengarang Penghubung)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6019-9810909 E-mel: muzammir@unisza.edu.my

Yaapar, M. S.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau
Pinang, Malaysia

Tel: +6017-4387869 E-mel: mdsalleh@usm.my

Teh, W. H. W.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau
Pinang, Malaysia

Tel: +6012-5510299 E-mel: hasmahwt@usm.my

Zubir, B. N.

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman, Universiti
Islam Antarabangsa Malaysia, 53100 Gombak, Selangor, Malaysia

Tel: +6019-3860670 E-mel: badri@iiium.edu.my

Abstrak

Kajian ini meneliti struktur bahasa dan seni pengimejan dalam puisi *Mengenang-Mu* karya Kemala, seorang penyair, penulis dan sasterawan terkemuka Malaysia dalam bidang sastera Melayu moden. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis secara mendalam teknik pengayaan bahasa yang digunakan oleh Kemala dalam puisi ini bagi menyampaikan tema spiritual dan falsafah, serta cara beliau memanfaatkan imej puitis dan simbolisme dalam menghubungkan dunia nyata dengan konsep-konsep abstrak. Metodologi kajian melibatkan analisis tekstual terperinci terhadap puisi, dengan fokus diberikan kepada teknik dalam struktur bahasa dan seni pengimejan berpandukan teori ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī. Hasil kajian menunjukkan Kemala secara konsisten menggunakan struktur bahasa

yang kompleks dan seni pengimejan yang kaya untuk mengekspresikan makna rohani, lalu menjadikan puisi beliau bukan hanya sebagai karya sastera tetapi sebagai medium yang menyampaikan pengalaman rohani. Kesimpulannya, puisi *Mengenang-Mu* mencerminkan keupayaan Kemala menggabungkan struktur bahasa dan seni pengimejan dalam mencipta karya yang indah secara estetik, bahkan penuh makna dari segi falsafah dan rohani, sekali gus membuka ruang untuk kajian lanjut dalam bidang kesusasteraan Melayu moden. Kajian lanjut tersebut boleh diteliti dari sudut analisis perbandingan dengan penyair kontemporari lain dengan eksplorasi tema-tema falsafah dan rohani yang dibawa oleh mereka.

Kata kunci: Kemala; Al-Jurjānī; Struktur bahasa; Imej; Puisi; Retorik

Abstract

*This study examines the language structure and imagery in the poem *Mengenang-Mu* by Kemala, a renowned Malaysian poet, writer, and literary figure in modern Malay literature. The objective of this research is to conduct an in-depth analysis of the linguistic techniques used by Kemala in this poem to convey spiritual and philosophical themes, as well as how he employs poetic imagery and symbolism to bridge the tangible world with abstract concepts. The study's methodology involves a detailed textual analysis of the poem, focusing on linguistic structures and imagery techniques, guided by the theory of 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī. The findings reveal that Kemala consistently employs complex language structures and rich imagery to express spiritual meaning, transforming his poem into not only a literary work but also a medium for conveying spiritual experiences. In conclusion, *Mengenang-Mu* reflects Kemala's ability to merge language structure and imagery in creating a work that is aesthetically beautiful and profoundly meaningful in both philosophical and spiritual dimensions, thereby opening avenues for further research in the field of modern Malay literature. Future research may explore comparative analysis with other contemporary poets, focusing on the philosophical and spiritual themes they explore.*

Keywords: *Kemala; Al-Jurjānī; Language structure; Imagery; Poetry; Rhetoric*

Pengenalan

Dato' Dr. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah, yang lebih dikenali dengan nama pena Kemala atau Akmal Jiwa, Nir Hiriyati, Dur Kasih, Nirwana dan Arash Kamal, dilahirkan di Gombak, Kuala Lumpur pada 30 Januari 1941 (Hassan, 1990). Beliau

meninggal dunia pada usia 80 tahun pada 27 Oktober 2021 di Kota Damansara, Petaling Jaya. Kemala memperhalus pengucapan puisi Melayu moden di Malaysia sebagai penanda pemisahan daripada era 50-an dengan pemikiran yang lebih terarah kepada Islam. Gaya pengungkapan puisi-puisi beliau terkenal dengan unsur-unsur simbolisme melalui imej-imej puitis yang digambarkan dengan jelas. Kemala diangkat sebagai Sasterawan Negara yang ke-11 pada tahun 2012 dan merupakan sasterawan pertama Malaysia yang dikaitkan dengan pemikiran sufisme dan penyair utama kerohanian berunsur Islam sebagaimana yang dicituskan dalam karya-karya puisi beliau.

Gaya pengungkapan puisi-puisi Kemala terkenal dengan simbolisme halus, disertai renungan yang mendalam, daya cipta yang kreatif, dan nilai estetik yang memukau (Nor, 2021). Imej-imej puitis yang digambarkan bukan sahaja membawa makna literal tetapi mengandungi lapisan makna tersembunyi yang mencerminkan pemikiran sufisme dan kerohanian. Simbolisme ini sering kali digunakan untuk menyampaikan idea-idea kompleks yang berkaitan dengan ketuhanan, kehidupan dan alam semesta, lalu menjadikan karya-karya puisi beliau sarat dengan tafsiran dan renungan yang mendalam.

Bahasa boleh dimanfaatkan untuk membangkitkan perasaan tertentu yang mengandungi nilai estetika melalui pemilihan kata, susunan struktur sintaksis, penggunaan serta pemilihan bahasa kiasan, ungkapan, peribahasa, dan sindiran (Muhamad, 1988). Melalui penggunaan imej-imej yang jelas dan terperinci, Kemala berjaya membina dunia puitis yang kaya dengan makna, sekali gus menyerlahkan kepekaan beliau terhadap keindahan bahasa dan seni sastera. Teks puisi Kemala yang menjadi subjek dalam kajian ini ialah puisi *Mengenang-Mu*, yang merupakan salah

satu puisi yang dimuatkan dalam kumpulan puisi *'Ayn* (1973), Puisi *Mengenang-Mu* dipilih berdasarkan kekayaan simbolisme dan kehalusan gaya bahasa yang mencerminkan pemikiran mendalam serta kerohanian penyair, Kemala. Karya ini juga menawarkan ruang yang luas untuk analisis struktur bahasa dan seni pengimejan, menjadikannya subjek yang sesuai untuk kajian mengenai teknik penggayaan dan makna tersirat khususnya dalam menghargai kehalusan seni puisi Kemala.

Kajian ini memanfaatkan teori kritikan sastera Arab klasik yang diperkenalkan oleh Abū Bakr °Abd al-Qāhir ibn °Abd ar-Rahmān ibn Muḥammad al-Jurjānī (1076). Teori *al-Nazm* (Al-Jurjānī, 2004) yang membahaskan konsep struktur bahasa dirujuk daripada kitab *دلایل الإغجاز (Dalāil al-Ijāz)*, manakala teori Puitik Imageri (Al-Jurjānī, 1954) yang membicarakan aspek seni pengimejan diambil daripada kitab *أسرار البلاغة (Asrār al-Balāghah)*. Perbincangan mengenai makna simbolik dalam kajian ini berasaskan teori *Ma'nā al-Ma'nā* al-Jurjānī (Günaydın, 2008) sebagai asas analisis. Perincian teknik penggayaan bahasa pula meneliti penggunaan imej puitis seperti *tashbīh* (simile), *tamthīl* (analogi) dan *isti'ārah* (metafora). Struktur bahasa melibatkan pemilihan diksi dan susunannya dalam ungkapan sintaksis, manakala makna simbolik yang tersirat merujuk kepada perasaan penyair serta tujuan yang ingin disampaikan melalui bahasa tersebut. Kajian ini dapat memberikan pandangan tentang keindahan imejan puitis dari perspektif balāghah Arab untuk mendefinisikan konsep kreativiti dalam pengungkapan puisi Melayu, terutamanya puisi-puisi Kemala.

Oleh hal yang demikian, kajian ini menawarkan lonjakan dan inovasi dalam kajian puisi Melayu dengan menerapkan teori Arab dalam menganalisis puisi Melayu. Pendekatan ini tidak hanya

memperkenalkan kaedah baharu dalam menganalisis puisi Melayu, malahan memberikan perspektif yang lebih mendalam mengenai struktur, seni pengimejan dan makna puisi. Dengan memanfaatkan teori balāghah Arab, kajian ini membuka ruang untuk pemahaman yang lebih luas mengenai imejan puitis dan simbolisme dalam puisi Melayu, serta menambah dimensi analisis yang dapat memperkaya perbincangan akademik dalam bidang ini.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memberikan penjelasan yang mendalam mengenai struktur bahasa dan seni pengimejan dalam pembinaan makna simbolik pada puisi Kemala dengan menggunakan teori °Abd al-Qāhir al-Jurjānī. Kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk memperluas pemahaman akademik mengenai teknik puitis dan simbolisme, malahan mempunyai kepentingan yang signifikan kepada masyarakat. Dengan memahami cara Kemala menggunakan struktur bahasa dan imejan untuk menyampaikan makna yang mendalam, masyarakat dapat menghargai dengan lebih baik nilai seni dan kualiti estetik dalam puisi Melayu. Hal ini boleh meningkatkan kesedaran tentang warisan budaya dan memperkukuh identiti kebangsaan melalui seni sastera. Selain itu, kajian ini berpotensi untuk memupuk minat terhadap sastera dalam kalangan pembaca dan pelajar, serta menggalakkan lebih banyak penyelidikan dalam bidang sastera yang berkaitan. Hal ini akan akhirnya dapat menyumbang kepada perkembangan pendidikan sastera di negara ini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis puisi *Mengenang-Mu*. Pendekatan ini dipilih kerana ia membantu memahami konteks dan situasi melalui pengalaman peribadi

penyair, serta menginterpretasikan gambaran dan imaginasi di dalam puisi (Abu Deeb, 1979). Konteks puisi Kemala perlu difahami melalui imej-imej simbolik kerana ia membolehkan pembaca menangkap makna yang lebih mendalam di sebalik kata-kata yang digunakan. Imej-imej simbolik ini tidak hanya berfungsi sebagai hiasan puitis, tetapi juga sebagai alat untuk menyampaikan emosi, pemikiran dan pengalaman peribadi penyair. Dengan memahami simbolisme yang terkandung di dalam puisi-puisi Kemala, kita dapat memahami bagaimana beliau menggunakan bahasa untuk mencerminkan realiti sosial, keagamaan dan falsafah dengan lebih luas. Hal ini juga membantu mengaitkan puisi-puisi tersebut dengan latar belakang budaya dan sejarah yang mempengaruhi karya-karya beliau, sekali gus memberikan sudut pandang yang lebih komprehensif tentang sumbangan Kemala kepada sastera Melayu moden.

Pemilihan teori ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī dalam kajian korpus puisi Kemala merupakan langkah awal yang penting dalam memperkenalkan kaedah baharu untuk menganalisis puisi yang berorientasikan Islam dalam kesusasteraan Melayu. Penerapan teori ini bukan sahaja memperluas perspektif analisis, bahkan mengaitkan puisi dengan wacana sastera yang lebih luas. Oleh itu, kaedah analisis tekstual digunakan untuk menganalisis puisi *Mengenang-Mu* secara komprehensif. Pengkaji memulakan langkah ini dengan pembacaan awal untuk memahami tema dan suasana yang ingin disampaikan oleh Kemala, serta mengenal pasti makna literal bagi setiap baris puisi, termasuk peristiwa, watak dan latar yang terdapat di dalamnya.

Seterusnya, pengkaji meneliti aspek imejan puitis dengan bersandarkan definisi al-Jurjānī (1954), yang merangkumi penggunaan *tashbīh*, *tamthīl* dan *istiʿārah* dengan memberikan perhatian kepada


teknik imej-imej puitis ini memperkaya makna dan mencipta gambaran yang jelas dalam minda pembaca. Oleh itu, pengkaji menjalankan analisis terhadap teknik struktur bahasa dengan meneliti pilihan dan susunan kata yang digunakan oleh Kemala. Pertimbangan diberikan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan kata tersebut dan bagaimana susunan sintaksis tersebut mempengaruhi makna puisi. Pemerhatian terhadap struktur bahasa dan seni pengimejan ini dijalankan untuk memahami makna simbolik di sebalik imejan puitis di samping menghayati keindahan puisi Kemala dengan lebih mendalam.

Tanpa penggunaan gaya bahasa yang berkesan, penulis tidak akan dapat menyampaikan makna simbolik dengan sempurna dan tepat seperti yang diinginkan kerana simbolisme memainkan peranan penting dalam menyampaikan makna yang lebih mendalam dan membantu memperluas tafsiran, manakala ungkapan literal mungkin terhad dalam menggambarkan konsep abstrak atau emosi yang kompleks (Hussin & Yahaya, 2022). Untuk mencapai tujuan tersebut, pemahaman tentang latar belakang Kemala, termasuk pengalaman hidup dan konteks pengungkapan puisi, adalah penting diambil kira. Pemahaman ini membantu menjelaskan makna yang terkandung dalam rangkap puisi. Akhirnya, setelah pemerhatian terhadap semua faktor di atas dibuat, pengkaji mentafsirkan makna keseluruhan puisi dengan mempertimbangkan bagaimana struktur bahasa, seni pengimejan dan konteks saling berinteraksi untuk menyampaikan makna simbolik yang tersirat.

Rajah 1 merupakan kerangka kajian berdasarkan teori ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī. Dalam menghasilkan sesebuah imej yang puitis yang melibatkan tiga bentuk gaya bahasa perbandingan (malahan apa jua

bentuk wacana), al-Jurjānī menekankan elemen makna yang saling berkait dengan konteks. Melalui makna yang ingin disampaikan oleh penulis atau penutur, struktur bahasa dan seni pengimejan diambil kira sebagai medium yang bukan sahaja menyampaikan maksud secara jelas tetapi


mampu mencipta kesan estetik dan emosi yang mendalam. Keteraturan susunan perkataan serta kekuatan perbandingan dalam bahasa menjadikan wacana lebih berkesan apabila setiap elemen bahasa terjalin untuk menghasilkan makna yang lebih kaya dan tepat.



Rajah 1: Kerangka kajian berdasarkan teori al-Jurjānī (Al-Jurjānī, 1954)

Berkesinambungan daripada Rajah 1, Rajah 2 memaparkan konsep makna berdasarkan teori *Maʿnā al-Maʿnā* ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī. Teori Makna kepada Makna ini menjelaskan lapisan makna yang

tersurat dan tersirat dalam sesebuah wacana, yang terdiri daripada makna diksi, makna tatabahasa dan makna simbolik atau makna konteks.



Rajah 2: Konsep Makna berdasarkan teori *Maʿnā al-Maʿnā* al-Jurjānī (Al-Jurjānī, 1954)

Makna diksi merujuk kepada pilihan perkataan yang tepat dan sesuai. Setiap perkataan dipilih dengan teliti untuk menyampaikan maksud yang spesifik. Makna tatabahasa pula merujuk kepada hubungan antara perkataan dalam ayat yang mempengaruhi maksud keseluruhan wacana seperti susunan subjek, predikat dan objek yang menentukan kefahaman makna secara logik dan berstruktur. Sementara itu, makna simbolik atau makna konteks bergantung pada interpretasi yang lebih mendalam apabila elemen-elemen wacana dipengaruhi oleh budaya, latar sosial dan nilai-nilai yang tersembunyi, lalu membentuk makna tersirat yang sering kali membawa implikasi emosi atau falsafah yang lebih luas. Kesemua lapisan ini saling berkait untuk membentuk makna yang komprehensif dalam sesebuah wacana.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Puisi: *Mengenang-Mu*

Mengenang-Mu
bagai menatap diri pada butir embun
pertama
menyaring air pada tapishalus batini
menebar iktibar pada rindu yang panjang
titis airmata iman di dalam sujudku.

Mengenang-Mu
umpama tasbih dan istirahat angin di hujung
daun
berlayar lancar kapalku di awan-awan
baldu
cendekia Khidir, rindu Musa bertaut satu
asyik al-Amin di Hirak sepi-Mu.

Mengenang-Mu
seperti terkilau iman Yusuf di depan
Zulaikha
sepi seorang Mariam, cekal seorang
Masyita
ombak dan laut bergulung, teranyam baju
dan benang

di dinihari bening, pengasyik menemui
Kekasihnya.

Mengenang-Mu
bagai lahir Ainil Umar di subuh Mauludin-
Nabi
kubebat lukaku di gurun tandus
kusapa musafir di sisinya kaktus-kaktus
'jalan kembali, hanya di hati nurani!'

Mengenang-Mu
bak riangria anak menyambut ayahnya
kembali
wajah ikhlas isteri waktu suaminya
berangkat
perawan salih dibasahi air wuduk
bersatu mengenal kasih agung Khaliqnya.

Mengenang-Mu
bagai gunung-gunung teguh dipayungi
langit kukuh
terukir Nama di kalbu satu demi satu
di bumi: bagai cucur ilmu dari langit
di langit: bagai timbul ilmu dari bumi.

Mengenang-Mu
bagai kuda putih, terbit darahkasih di
keningnya
mujarab doa ibu untuk anak tercinta
di pesisir alam ia membaca sejarah
panjang
perarakan Pingai kembali ke sarang
asalnya.

Mengenang-Mu
umpama menatap cermin batini, suram
atau bercahaya?
menatap Wujud Abadi dan Taman Hijau
dan Putih
hijau, hijau rimbunan akal
putih, putih himpunan rasa
berpadu dalam Kasih Abadi.


Mengenang-Mu.

Pulau Pinang
1979–1980

(Abdullah, 1983)

Berdasarkan teori *al-Nazm* seperti yang tertera pada Rajah 3, dapatan kajian telah mendedahkan beberapa penemuan penting berkaitan dengan struktur bahasa dan seni pengimejan dalam teks puisi *Mengenang-Mu* karya Kemala. Melalui analisis mendalam terhadap data yang diperoleh, beberapa teknik utama telah dikenal pasti. Penemuan-penemuan ini memberikan

pandangan baharu berkenaan keindahan imejan puitis. Penemuan-penemuan ini juga menonjolkan aspek-aspek yang sebelumnya kurang dibincangkan secara terperinci dalam literatur yang sedia ada seperti kajian Ali (2010), Shaffine (2015), Pogadaev dan Pogadaeva (2015), Ishak dan Samah (2018) dan Chair (2021).



Rajah 3: Teori *al-Nazm* al-Jurjānī (Al-Jurjānī, 2004)

Puisi *Mengenang-Mu* sarat dengan imej-imej yang membawa makna simbolik dalam konteks sufisme. Setiap imej yang digarap dengan teliti mencerminkan perjalanan rohani yang mendalam dan penuh dengan lapisan makna yang tersembunyi. Berikut ialah dapatan kajian yang menunjukkan setiap imejan puitis


yang dianalisis membuka dimensi baharu dalam memahami keindahan puisi Kemala.

Struktur Bahasa dan Seni Pengimejan Tashbīh

Al-Jurjānī (1954) menyatakan bahawa *tashbīh* melibatkan perkongsian sifat antara

dua entiti yang dibandingkan. Perkongsian sifat ini merujuk kepada persamaan ciri antara subjek dan objek perbandingan dari segi makna dalam konteks tertentu. Rajah 4 merujuk kepada teknik seni pengimejan *tashbīh* yang dibahagikan kepada dua bentuk perbandingan, iaitu perbandingan eksplisit dan perbandingan implisit. Menggabungkan bentuk perbandingan eksplisit dan implisit dalam perbandingan

dilihat dapat menghasilkan pengimejan yang lebih tuntas. Dengan menggabungkan kedua-dua bentuk ini, perbandingan eksplisit digunakan untuk memberikan kejelasan dan ketegasan dalam menyatakan persamaan antara dua entiti, sementara perbandingan implisit berfungsi untuk menambahkan lapisan makna yang lebih halus dan tersirat.



Rajah 4: Seni Pengimejan *Tashbīh* al-Jurjānī (Al-Jurjānī, 1954)

‘Mengenang-Mu bagai menatap diri pada butir embun pertama’

Analisis terhadap imej *tashbīh* ‘bagai menatap diri pada butir embun pertama’ menunjukkan betapa kompleksnya penggunaan struktur bahasa dan seni pengimejan dalam menyampaikan makna simbolik sufisme. Diksi halus dan lembut yang digunakan dalam rangkap ini

memperlihatkan pilihan kata yang sesuai dengan tema alam dan introspeksi. Diksi-diksi seperti ‘butir’ dan ‘embun’ menambah kelembutan dan ketenangan, sekali gus mencerminkan keadaan fitrah manusia yang murni.

Dari segi struktur bahasa, ungkapan ini memanfaatkan teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta’khīr*. Frasa ‘menatap diri’ bertindak

sebagai predikat, diikuti oleh subjek ‘diri’. Penggunaan *al-Khabar* menggambarkan tindakan introspektif yang mendalam, sementara *al-Itnāb* memberikan gambaran yang sangat spesifik dan puitis melalui imej ‘butir embun pertama’. Teknik *al-Tikrār* juga terasa melalui tindakan reflektif yang diandaikan dilakukan berulang kali bagi memperkuat tema introspektif ini. Tambahan pula, teknik *al-Ījāz* memperlihatkan bagaimana tindakan dan keadaan disimpulkan dalam satu gambaran yang padat dan penuh dengan makna puitis (Chowdhury, 2015).

Dari aspek seni pengimejan, ungkapan ini menggunakan *Perbandingan Bentuk Fizikal* dengan membandingkan ‘menatap diri’ dengan ‘butir embun pertama’ yang kecil, halus dan rapuh. Ia merupakan *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* yang memperlihatkan tindakan abstrak ‘menatap diri’ disandarkan pada objek konkrit seperti embun yang tidak lazim dalam perbandingan biasa.

Dari sudut makna simbolik sufisme, embun pertama melambangkan kebersihan dan kesucian jiwa bagi menggambarkan keadaan fitrah manusia yang belum terdedah kepada kekotoran duniawi. Simbolisme ini membawa kesan retorik yang mencipta rasa kehalusan dan ketulusan dalam mengenang Tuhan, lalu memberikan gambaran yang tenang dan segar (Abdullah, 2010). Elemen-elemen ini digabungkan untuk menyampaikan makna yang kaya dengan refleksi diri dan spiritual serta memperlihatkan bagaimana bahasa dan imejan boleh digunakan untuk mengekspresikan konsep sufisme secara mendalam.

‘Mengenang-Mu umpama tasbih dan istirahat angin di hujung daun’

Ungkapan ‘umpama tasbih dan istirahat angin di hujung daun’ dianalisis dengan

pelbagai teknik struktur bahasa yang memperkuat gambaran puitis dan abstrak yang ingin disampaikan oleh Kemala. Teknik-teknik seperti *al-Tankīr* yang melibatkan kata nama memainkan peranan penting dalam mencipta suasana yang sukar diukur secara konkrit seperti ‘angin’ dan ‘istirah’. *Al-Taqdīm wa-al-Ta’khīr* digunakan untuk menggambarkan suasana tenang. ‘Tasbih’ dan ‘istirah angin di hujung daun’ bertindak sebagai latar utama, manakala ‘di hujung daun’ memperjelas lokasi dan konteks.

Struktur ungkapan ini juga menggunakan teknik *al-Qaṣr* untuk memberikan batasan yang jelas pada lokasi ketika ‘istirah angin’ berlaku, manakala *al-Itnāb* dalam ungkapan ini menambah kedalaman pada gambaran yang dihasilkan untuk membawa pembaca kepada suasana yang lembut dan tenang. *Al-Waṣl* seperti ‘dan’ menghubungkan dua konsep utama ini untuk menghasilkan satu kesatuan dalam perbandingan yang dibuat. *Al-Musnad Ilayhi* dan *Al-Musnad* dalam ungkapan ini diatur dengan halus. Perkataan ‘umpama’ berfungsi sebagai alat perbandingan yang memberikan makna yang lebih mendalam kepada keseluruhan ungkapan.

Dari sudut seni pengimejan, ungkapan ini menggunakan teknik-teknik seperti *Perbandingan Pergerakan* apabila pergerakan halus angin di hujung daun dibandingkan dengan pergerakan tasbih di tangan Kemala. *Perbandingan Watak* menonjolkan sifat kelembutan dan ketenangan dalam zikir yang dibandingkan dengan kelembutan angin. *Penghuraian Sifat Terperinci* memberikan penekanan pada kedalaman makna melalui perincian sifat-sifat yang menggambarkan ketenangan dan ketenteraman dalam ibadah. *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* juga digunakan untuk mencipta imej yang luar biasa dengan angin yang dilihat

sebagai beristirahat untuk memberikan kesan yang menyentuh hati.

Makna simbolik dalam konteks sufisme adalah jelas dalam ungkapan ini. Contohnya, ‘tasbih’ melambangkan zikir yang berterusan kepada Tuhan (Abdullah, 2010), manakala ‘istirah angin di hujung daun’ melambangkan kedamaian yang dicapai melalui zikir yang ikhlas. Kesan retorik yang dihasilkan adalah mendalam, lalu membawa pembaca kepada suatu pemahaman yang lebih tinggi mengenai hubungan antara ibadah dengan kedamaian rohani.

‘Mengenang-Mu seperti terkilau iman Yusuf di depan Zulaikha’

Ungkapan ‘terkilau iman Yusuf di depan Zulaikha’ dianalisis dengan pelbagai teknik struktur bahasa yang menonjolkan kekuatan dan keteguhan iman Yusuf dalam situasi yang mencabar. *Al-Taʿrīf* pada kata nama ‘Yusuf’ dan ‘Zulaikha’ memberikan konteks yang jelas dan spesifik untuk menjelaskan siapa yang dimaksudkan dalam ungkapan ini. *Al-Tankīr* seperti ‘iman’ merujuk kepada konsep abstrak yang sukar diukur, namun penting dalam membina makna keseluruhan ungkapan. Teknik *al-Qasr* ‘di depan Zulaikha’ memberikan latar kepada keadaan iman Yusuf untuk menjelaskan lokasi atau keadaan ketika iman tersebut diuji dan diserlahkan.

Teknik *al-Iṭnāb* dalam ungkapan ini menonjolkan maklumat khusus mengenai situasi dan tempat ketika iman Yusuf terkilau untuk menggambarkan keadaan tersebut dengan jelas. *Al-Musnad* ‘terkilau’ menggambarkan keadaan iman Yusuf yang bersinar terang dalam situasi yang penuh dengan godaan. Dalam susunan *al-Taqdīm wa-al-Taʿkhīr*, predikat ‘terkilau’ diberikan keutamaan untuk memberikan kesan awal

yang kuat, diikuti oleh subjek ‘iman Yusuf’ yang menjelaskan keadaan tersebut.

Dari sudut seni pengimejan, ungkapan ini menggunakan *Perbandingan Bentuk Fizikal* untuk menggambarkan ‘terkilau’ sebagai sesuatu yang bersinar atau bercahaya untuk memberikan gambaran fizikal yang jelas tentang kejelasan iman Yusuf. *Perbandingan Watak* menonjolkan keteguhan watak Yusuf yang kuat dalam menghadapi godaan, sementara *Penggabungan Sifat Tambahan* menyandarkan sifat kilauan kepada iman untuk menjadikannya bukan sekadar konsep rohani tetapi juga satu kehadiran fizikal yang dapat dirasakan. *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* menambah dimensi metafora yang mendalam dengan menggambarkan iman sebagai sesuatu yang bercahaya untuk menggambarkan kekuatan rohani yang luar biasa.

Dalam konteks sufisme, iman Yusuf yang terkilau melambangkan ketahanan rohani dan kekuatan moral dalam menghadapi godaan duniawi. Yusuf mewakili teladan bagi kekuatan iman yang tidak tergugat oleh nafsu dan godaan, lalu menjadikannya simbol keteguhan spiritual. Keseluruhan ungkapan ini mencipta kesan retorik yang mendalam, menggambarkan kejelasan dan kekuatan iman dalam situasi yang mencabar serta menonjolkan keteguhan moral sebagai sesuatu yang bersinar terang ketika berdepan dengan ujian dalam kehidupan.

‘Mengenang-Mu bagai lahir Ainil Umar di subuh Mauludin-Nabi’

Ungkapan ‘bagai lahir Ainil Umar di subuh Mauludin-Nabi’ dapat dianalisis dengan beberapa teknik struktur bahasa yang menonjolkan kekuatan dan kedalaman makna yang disampaikan. Teknik *al-Taqdīm wa-Al-Taʿkhīr* dalam ungkapan ini meletakkan *al-Musnad* ‘lahir’ di hadapan

al-Musnad Ilayhi ‘Ainil Umar’ untuk memberikan penekanan pada tindakan atau peristiwa kelahiran sebelum memperkenalkan pelaku utama. *Al-Musnad Ilayhi* dalam ungkapan ini ialah ‘Ainil Umar’, manakala *al-Musnad* ‘lahir’ menggambarkan tindakan yang dilakukan oleh *al-Musnad Ilayhi* untuk mencipta satu imej yang kuat tentang kelahiran yang signifikan.

Dari segi seni pengimejan, ungkapan ini menggunakan *Perbandingan Watak* untuk menggambarkan ‘Ainil Umar’ yang mungkin merujuk kepada peribadi atau watak yang unggul dengan peristiwa agung kelahiran Nabi Muhammad SAW pada waktu subuh. *Perbandingan* ini menonjolkan sifat-sifat mulia yang dikaitkan dengan kelahiran Nabi Muhammad SAW untuk memperlihatkan Ainil Umar sebagai seorang tokoh yang suci dan penuh keberkatan. *Penggabungan Sifat Tambahan* juga digunakan untuk menyandarkan sifat-sifat mulia dan suci yang dikaitkan dengan kelahiran Nabi Muhammad SAW pada ‘Ainil Umar’ untuk memberikan makna bahawa Ainil Umar memiliki keistimewaan yang luar biasa. *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* dilihat pada penggunaan konsep kelahiran yang biasanya bersifat fizikal dalam konteks metafora yang menggambarkan kelahiran sifat atau peribadi yang mulia pada waktu yang penuh makna, seperti subuh Mauludin-Nabi.

Makna simbolik dalam konteks sufisme menempatkan ‘Ainil Umar di subuh Mauludin-Nabi’ sebagai lambang kebangkitan spiritual pada masa yang sangat diberkati seperti kelahiran Nabi Muhammad SAW. Hal ini menggambarkan permulaan yang baharu dan pencerahan rohani serta menyentuh aspek-aspek spiritual yang mendalam. Secara keseluruhan, teknik-teknik ini bersama-sama mencipta kesan retorik yang kuat dan

menonjolkan perbandingan antara peristiwa kelahiran yang sangat simbolik dengan watak Ainil Umar yang melambangkan kesucian, kemuliaan dan kebangkitan rohani.

‘Mengenang-Mu bak riangria anak menyambut ayahnya kembali’

Analisis ungkapan ‘bak riangria anak menyambut ayahnya kembali’ menunjukkan penggunaan struktur bahasa dan seni pengimejan yang efektif dalam menyampaikan makna emosi dan simbolik. Dari segi struktur bahasa, ungkapan ini menekankan teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta’khīr*. Frasa ‘riangria anak’ sebagai *al-Musnad Ilayhi* diletakkan sebelum *al-Musnad* ‘menyambut ayahnya kembali’. Susunan ini menyorot keceriaan anak sebelum menggambarkan tindakan menyambut untuk memberikan kesan emosi yang lebih mendalam kepada ungkapan tersebut. *Al-Musnad* dan *al-Musnad Ilayhi* dalam ungkapan ini juga ditentukan dengan jelas apabila ‘anak’ berfungsi sebagai subjek utama dan ‘menyambut ayahnya kembali’ sebagai predikat yang menjelaskan tindakan.

Dari perspektif seni pengimejan, ungkapan ‘bak riangria anak menyambut ayahnya kembali’, dua teknik yang dominan ialah *Perbandingan Watak* dan *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan*. Teknik *Perbandingan Watak* menggambarkan kegembiraan seorang anak yang menyambut kepulangan ayahnya dengan penuh keceriaan dengan menekankan watak atau sifat riang anak tersebut. Watak ini menunjukkan betapa mendalamnya kegembiraan yang dirasai, malah melampaui kegembiraan biasa yang mungkin dialami dalam situasi yang sama.

Selain itu, *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* juga memainkan peranan penting dalam ungkapan ini. Sifat ‘riangria’

yang disandarkan kepada anak memperkukuh gambaran kegembiraan yang luar biasa dan penuh makna. Sifat ini bukan sekadar mencerminkan kegembiraan biasa, tetapi lebih kepada satu kegembiraan yang mendalam dan istimewa yang melebihi apa-apa yang dijangka dalam konteks hubungan antara anak dengan ayah.

Gabungan kedua-dua teknik ini mencipta imejan yang kuat dan menyentuh emosi serta menonjolkan kehangatan dan keakraban hubungan antara anak dengan ayah. Teknik ini juga mencerminkan kegembiraan yang bukan sahaja bersifat luaran, tetapi juga mencerminkan makna emosional yang lebih dalam dan signifikan, lalu menjadikan ungkapan tersebut penuh dengan makna yang simbolik dan estetika yang mendalam.

Dari sudut makna simbolik sufisme, kegembiraan anak ketika menyambut kepulangan ayahnya melambangkan kegembiraan rohani ketika kembali kepada Tuhan. Hubungan kasih sayang dan penerimaan yang tulus digambarkan melalui tindakan ini untuk menggambarkan kebahagiaan dan rasa syukur yang mendalam dalam konteks spiritual.

Kesan retorik yang dihasilkan oleh ungkapan ini mencipta suasana yang penuh dengan kegembiraan dan kehangatan yang membawa pembaca untuk merasakan ikatan emosi yang kuat antara anak dengan ayahnya. Hal ini boleh juga dilihat sebagai simbol hubungan antara manusia dengan Tuhan. Elemen-elemen ini digabungkan dengan baik untuk mencipta makna yang penuh dengan kedalaman emosi dan spiritual serta menunjukkan keupayaan bahasa untuk menyampaikan perasaan yang mendalam melalui struktur dan imejan yang terpilih.

'Mengenang-Mu bagi gunung-gunung teguh dipayungi langit kukuh'

Dapatan kajian ini mendapati ungkapan 'bagai gunung-gunung teguh dipayungi langit kukuh' menggabungkan pelbagai teknik struktur bahasa dan seni pengimejan untuk mencipta makna yang mendalam dan puitis.

Ungkapan ini menampilkan penggunaan teknik *al-Qasr*. Contohnya, kata sifat 'teguh' dan 'kukuh' masing-masing menambah makna kepada 'gunung-gunung' dan 'langit', lalu memperkukuh gambaran tentang kekuatan dan kestabilan. Teknik *al-Itnāb* juga diterapkan dengan adanya penggambaran sifat-sifat yang memperdalam makna keseluruhan ungkapan. Struktur ayat dengan teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* menekankan tindakan 'dipayungi' yang memberikan makna perlindungan dan penjagaan bagi *al-Musnad Ilayhi* 'gunung-gunung'.

Dari aspek seni pengimejan pula, ungkapan ini menggunakan *Perbandingan Bentuk Fizikal* untuk menggambarkan gunung-gunung yang kuat dan langit yang melindungi mereka, lalu memberikan gambaran visual yang jelas tentang kestabilan alam. *Perbandingan Ukuran* menonjolkan skala besar bagi kedua-dua elemen ini untuk menekankan kekuatan dan keteguhan yang luar biasa. Selain itu, *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* memberikan sifat 'kukuh' kepada langit yang biasanya tidak dikaitkan dengan sesuatu yang begitu luas, lalu memperkuat imej kestabilan dan perlindungan yang ditawarkan oleh langit kepada gunung-gunung.

Dari perspektif makna sufisme, gunung yang teguh dan langit yang kukuh melambangkan keteguhan iman dan perlindungan daripada Ilahi. Ia mencerminkan kestabilan rohani dan

kepercayaan yang tidak goyah kepada Tuhan serta menggambarkan hubungan yang mendalam antara manusia dengan Sang Pencipta.

Oleh yang demikian, ungkapan ini mencipta kesan retorik yang kuat dengan menggabungkan unsur-unsur bahasa dan imejan yang membawa pembaca kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang makna spiritual dan emosional di sebalik kata-kata tersebut. Imej gunung-gunung yang dipayungi langit yang kukuh melambangkan perlindungan dan kekuatan yang abadi serta memberikan kesan ketenangan dan keyakinan kepada pembaca.

'Mengenang-Mu bagai kuda putih, terbit darahkasih di keningnya'

Ungkapan 'bagai kuda putih, terbit darahkasih di keningnya' dianalisis dengan beberapa teknik struktur bahasa yang menonjolkan keindahan dan kedalaman makna yang terkandung. Teknik *al-Itnāb* dalam ungkapan ini ditunjukkan melalui penggunaan 'kuda putih' dan 'darahkasih di keningnya' yang memberikan gambaran visual yang jelas dan mendalam tentang objek serta keadaan yang digambarkan. 'Kuda putih' sebagai imej yang jelas dan spesifik menggambarkan keagungan atau kesucian, sementara 'darahkasih di keningnya' menambah perincian khusus yang menonjolkan keadaan yang unik dan simbolik.

Teknik *al-Qaṣr* dalam ungkapan ini, iaitu 'terbit darahkasih di keningnya', berfungsi untuk memberikan makna tambahan kepada 'kuda putih' dengan memfokuskan perhatian kepada elemen khusus, iaitu kening kuda. Frasa ini memperkaya gambaran dengan memberikan makna yang lebih mendalam dan kompleks serta menonjolkan simbolisme kasih sayang yang muncul secara metafora.

Dari segi seni pengimejan, ungkapan ini menggunakan *Perbandingan Bentuk Fizikal* dengan membandingkan 'kuda putih' yang nyata dan memberikan gambaran visual yang kuat. Perbandingan ini tidak hanya memberikan imej yang jelas mengenai bentuk fizikal, tetapi juga menyiratkan kesucian dan kekuatan. *Perbandingan Watak* dalam ungkapan ini mengaitkan 'kuda putih' dengan sifat kepahlawanan, keagungan atau keikhlasan, manakala imej 'darahkasih' yang terbit di keningnya pula menambahkan lapisan makna tentang pengorbanan dan cinta yang tulus.

Penggabungan Sifat Tambahan dilihat dalam penambahan elemen 'darahkasih' di kening kuda putih. Elemen ini menggabungkan sifat kasih sayang dengan simbolisme darah yang suci dan penuh makna. *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* di sini memberikan bentuk konkrit kepada sifat kasih sayang yang biasanya abstrak, lalu menjadikan gambaran ini lebih dramatik dan sarat dengan simbolisme.

Makna simbolik dalam konteks sufisme menempatkan 'kuda putih' sebagai lambang kesucian dan keberanian rohani, sementara 'darahkasih di keningnya' menggambarkan pengorbanan dan cinta yang tulus kepada Tuhan. Secara keseluruhan, teknik-teknik ini membentuk gambaran yang kaya dengan makna simbolik, menggabungkan aspek fizikal dan sifat batin dalam perbandingan yang mendalam dan bermakna serta mencipta kesan retorik yang kuat.

'di bumi: bagai cucur ilmu dari langit'

Ungkapan 'di bumi: bagai cucur ilmu dari langit' dianalisis dengan beberapa teknik struktur bahasa dan seni pengimejan yang memberikan gambaran yang mendalam tentang penyebaran ilmu. Teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* dilihat melalui penggunaan

'bagai' sebagai *al-Musnad* yang menerangkan *al-Musnad Ilayhi* 'cucur ilmu' yang berasal daripada 'langit'. Teknik ini menekankan perbandingan antara tindakan ilmu yang turun ke bumi dengan sesuatu yang berasal daripada langit. Teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* juga ditonjolkan apabila 'cucur ilmu' diletakkan sebagai objek di hadapan, sementara 'dari langit' menerangkan asal-usul ilmu tersebut untuk memberikan penekanan pada proses dan sumber ilmu itu. Seterusnya, teknik *al-Qasr* hadir dalam frasa 'bagai cucur ilmu dari langit' yang berfungsi untuk memberikan makna tambahan kepada 'di bumi'. Ia menekankan perbandingan ini sebagai sesuatu yang datang dari luar dunia fizikal. *Al-Ta'arīf* diperlihatkan melalui penggunaan 'bumi' dan 'langit' yang memberikan kepastian berkenaan tempat dan sumber ilmu tersebut. *Al-Itnāb* dalam ungkapan ini jelas melalui perbandingan yang spesifik tentang aliran ilmu dari langit ke bumi untuk memperkuat visualisasi dan simbolisme. *Al-Waṣl* 'bagai' memainkan peranan penting dalam menghubungkan perbandingan antara 'di bumi' dengan 'cucur ilmu dari langit', manakala *al-Musnad* juga merujuk kepada 'bagai' yang menghubungkan unsur-unsur perbandingan ini secara keseluruhan. Akhirnya, *al-Musnad Ilayhi* 'cucur ilmu' menjadi pusat perbandingan. Ungkapan ini menggambarkan proses penyebaran ilmu daripada sumber yang tinggi kepada penerima di bumi.

Dari segi seni pengimejan, ungkapan ini menggunakan *Perbandingan Pergerakan* untuk menggambarkan aliran ilmu yang turun dari langit ke bumi dengan menggunakan imej 'cucur' yang biasanya dikaitkan dengan cecair untuk memberikan gambaran visual tentang bagaimana ilmu itu mengalir atau jatuh dari satu tempat yang tinggi ke tempat yang lebih rendah. *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* diterapkan apabila sifat 'cucur' yang

biasanya merujuk kepada air disandarkan kepada 'ilmu', lalu menjadikan proses penyebaran ilmu ini lebih simbolik dan bermakna. Selain itu, *Perbandingan Bentuk Fizikal* dalam ungkapan ini menambah elemen visual yang kuat dan memberikan bentuk fizikal kepada konsep abstrak ilmu seolah-olah ia benar-benar dicurahkan dari langit ke bumi.

Dalam konteks sufisme, ungkapan ini membawa makna simbolik yang mendalam. Cucuran ilmu dari langit melambangkan pencerahan dan wahyu Ilahi yang diterima oleh hati yang bersih dan suci. Ia menggambarkan bagaimana pengetahuan rohani dan kebijaksanaan diturunkan secara langsung dari sumber Ilahi dan diterima oleh mereka yang layak dan terbuka untuk menerima pencerahan. Kesan retorik yang dihasilkan oleh ungkapan ini menekankan keagungan proses penerimaan ilmu dan pengetahuan rohani dengan memberikan gambaran bahawa ilmu yang dicurahkan dari langit bukan sahaja berasal daripada sumber yang tinggi dan suci, tetapi juga diterima oleh mereka yang berada di bumi dengan hati yang terbuka dan penuh keikhlasan.

'Mengenang-Mu umpama menatap cermin batini, suram atau bercahaya?'

Ungkapan 'umpama menatap cermin batini, suram atau bercahaya?' dianalisis dengan pelbagai teknik struktur bahasa yang menggambarkan keadaan batin Kemala secara mendalam dan simbolik. Teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* memperlihatkan bagaimana frasa 'umpama menatap cermin batini' berfungsi sebagai kiasan terhadap keadaan dalaman Kemala, sementara 'suram atau bercahaya?' sebagai subjek pembelakangan untuk memberikan pilihan atau gambaran berkenaan keadaan batin yang sedang diperiksa. Teknik *al-Inshā'* melalui binaan *al-Istifhām*

(interogatif) digunakan untuk mengetahui sesuatu dengan mengajukan soalan secara retorik, yang bertujuan membangkitkan renungan atau refleksi mendalam dalam kalangan pembaca. Teknik *al-Qaṣr* dalam ungkapan ini, ‘umpama menatap cermin batini’, bertindak sebagai penjelasan atau kiasan yang memberikan tumpuan kepada pilihan batin yang sama ada suram atau bercahaya.

Teknik *al-Faṣl* dalam ungkapan ‘soram atau bercahaya’ menggunakan pilihan yang bertentangan untuk menekankan keadaan batin yang mungkin dialami. Teknik *al-Tankīr* diwakili oleh ‘cermin batini’ yang merujuk kepada konsep abstrak penilaian diri atau refleksi batin untuk memberikan ruang interpretasi yang subjektif dan mendalam. Teknik *al-Itnāb* diberikan melalui penjelasan mengenai hasil penilaian diri yang ‘soram’ atau ‘bercahaya’, lalu menambahkan kedalaman makna dan pengertian tentang proses introspeksi batin.

Dari segi seni pengimejan, ungkapan ini menggabungkan *Perbandingan Bentuk Fizikal* dengan menggunakan imejan cermin yang jelas dan mudah difahami untuk menggambarkan keadaan batin yang abstrak. *Perbandingan Watak* pula menghubungkan sifat batin Kemala, sama ada dalam keadaan suram atau bercahaya, dengan gambaran yang dapat dilihat dalam cermin batini. *Penyandaran Sifat Luar Kebiasaan* memberikan bentuk visual kepada konsep batin yang biasanya abstrak, lalu menambah dimensi dramatik dan simbolik pada ungkapan ini.

Dari perspektif sufisme, ungkapan ini membawa makna simbolik yang mendalam serta mencerminkan perjalanan batin dan penilaian diri yang sering dilalui dalam usaha mencapai pencerahan rohani.

‘Cermin batini’ dalam konteks ini melambangkan alat refleksi diri yang digunakan untuk melihat dan memahami keadaan dalaman secara jujur. Ungkapan ‘soram atau bercahaya’ menggambarkan dua keadaan batin yang mungkin dialami oleh Kemala dalam perjalanan rohani, iaitu sama ada keraguan dan kesulitan atau pencerahan dan kedamaian. Proses ini menekankan pentingnya introspeksi dalam mencapai kesedaran rohani yang lebih tinggi.


Secara keseluruhan, ungkapan ini menggambarkan perjalanan batin yang melibatkan penilaian diri yang mendalam dan refleksi berkenaan keadaan batin Kemala yang hasilnya mungkin berbeza antara kegelapan dengan pencerahan. Imej ini mencerminkan pertumbuhan spiritual dan proses pencarian diri yang menjadi inti dalam ajaran sufisme, lalu menonjolkan kepentingan penilaian diri dalam mencapai pencerahan rohani.

Struktur Bahasa dan Seni Pengimejan Tamthīl

Tamthīl membandingkan dua konsep atau situasi yang berbeza untuk menunjukkan persamaan antara kedua-duanya (Al-Jurjānī, 1954). Rajah 5 merujuk kepada teknik seni pengimejan *tamthīl* yang menghubungkan konsep-konsep tersebut melalui perbandingan yang jelas dan terancang. Unsur-unsur fizikal atau abstrak dipadankan untuk menekankan persamaan dalam ciri-ciri tertentu. Dalam konteks *tamthīl*, perbandingan ini bukan sahaja bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pembaca atau pendengar tetapi berfungsi untuk menyampaikan makna yang lebih mendalam melalui tamsilan yang bersifat imaginatif. Teknik ini sering digunakan dalam puisi dan wacana sastera untuk mencipta pengimejan yang berkesan

dengan memperlihatkan keindahan bahasa sambil mengajak pembaca merenung

makna di sebalik perbandingan yang diutarakan.



Rajah 5: Seni Pengimejan *Tamthīl* al-Jurjānī (Al-Jurjānī, 1954)

'kubebat lukaku di gurun tandus'

Ungkapan *'kubebat lukaku di gurun tandus'* menampilkan beberapa teknik struktur bahasa yang menarik. Pertama, teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* diperlihatkan dengan jelas dalam frasa *'kubebat lukaku'* dengan tindakan *'membebat'* (*al-Musnad*) mendahului *al-Musnad Ilayhi* *'aku'*. Penggunaan ini memberikan penekanan kepada tindakan penyembuhan diri. Sebaliknya, jika penggunaan frasa *'aku bebat'*, ia ialah struktur ayat yang menonjolkan *'aku'* sebagai *al-Musnad Ilayhi* yang diikuti oleh kata kerja *'bebat'* yang lebih langsung dan formal, manakala *al-Musnad Ilayhi* dan *al-Musnad* dipisahkan. Dalam bentuk yang sedemikian, *'aku bebat'* memberikan penekanan terhadap *al-Musnad Ilayhi* *'aku'* dan bukannya tindakan seperti ungkapan *'kubebat'*. Selanjutnya, teknik *al-Qaṣr* diterapkan melalui frasa *'di gurun tandus'* yang memperjelas lokasi ketika tindakan itu berlaku untuk membatasi makna tindakan kepada suatu tempat yang simbolik bagi kesulitan dan penderitaan.

Sementara itu, ungkapan *'kubebat lukaku di gurun tandus'* memperlihatkan penggunaan seni pengimejan *tamthīl* dengan melibatkan beberapa elemen penting yang menguatkan

kesan emosi. Ungkapan ini menggambarkan tindakan membebat luka dalam suasana yang tandus, sekali gus mencipta perbandingan antara keadaan fizikal dan perasaan dalaman.

Dari sudut *Perbandingan Fizikal Yang Terperinci*, tindakan membebat luka memberikan gambaran yang nyata dan konkrit. Luka di sini merujuk kepada sesuatu yang boleh disentuh dan diurus, manakala *'gurun tandus'* menambah unsur fizikal yang keras dan kosong, lalu memperkuat lagi suasana yang penuh dengan penderitaan.

Selain itu, *Perbandingan Konseptual Yang Terancang* menonjolkan pertautan antara penderitaan peribadi (luka) dan suasana luaran (gurun tandus). Luka berfungsi sebagai simbol penderitaan atau kesedihan, manakala gurun tandus melambangkan keadaan yang tidak subur, gersang dan tiada harapan. Hubungan antara emosi dan alam ini menghasilkan tamsilan yang mendalam.

Teknik-teknik ini saling melengkapi untuk menggambarkan keadaan peribadi penyair yang getir melalui perbandingan dengan keadaan alam yang keras. Dalam masa yang sama, penyair berjaya menekankan

keindahan bahasa yang penuh dengan makna emosi yang mendalam.

Di samping itu, ungkapan ini mempunyai makna simbolik yang mendalam dalam konteks sufisme. Ungkapan ‘membebat luka di gurun tandus’ melambangkan proses penyembuhan rohani yang berlaku di tengah-tengah ujian dan penderitaan hidup. Gurun tandus ialah simbol kesulitan dan cabaran hidup yang harus dihadapi oleh seseorang dalam perjalanan rohani kerana luka-luka batin perlu disembuhkan dengan penuh kesabaran dan keikhlasan. Secara keseluruhan, ungkapan ini menggunakan teknik struktur bahasa dan seni pengimejan untuk menyampaikan makna yang mendalam tentang penderitaan dan penyembuhan, sehingga menjadikannya sebuah ungkapan yang kaya dengan makna simbolik dan retorik.

‘di langit: bagai timbul ilmu dari bumi’

Dalam ungkapan ini, terdapat perbandingan antara ‘di langit’ dengan ‘timbul ilmu dari bumi’ yang menggambarkan idea bahawa ilmu yang timbul dari bumi adalah setara dengan sesuatu yang berlaku di langit. Imej bukan hanya perbandingan langsung malahan mengandaikan kejadian atau konsep di sesebuah tempat (langit) mempunyai kaitan atau analogi dengan kejadian atau konsep di tempat lain (bumi). Imej ini juga menggambarkan hubungan antara dimensi metafizik dengan sumber pengetahuan duniawi melalui teknik struktur bahasa dan seni pengimejan yang unggul.

Dari sudut struktur bahasa, teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta’khīr* adalah jelas dengan ‘timbul’ sebagai *al-Musnad* yang mendahului *al-Musnad Ilayhi* ‘ilmu’ untuk menunjukkan bagaimana ilmu digambarkan sebagai sesuatu yang muncul atau timbul. Teknik *al-Taqdīm wa-al-*

Ta’khīr juga berfungsi dengan ‘dari bumi’ sebagai objek yang menunjukkan asal-usul ilmu, sementara ‘ilmu’ ialah *al-Musnad Ilayhi* yang dipengaruhi oleh *al-Musnad*. Teknik *al-Qaṣr* ‘di langit’ memberikan konteks tambahan mengenai lokasi atau keadaan ketika ilmu timbul, lalu menambah dimensi makna. *Al-Iṭnāb* dalam ungkapan ini jelas kerana ia menggambarkan hubungan antara langit, ilmu dengan bumi secara terperinci, sementara *al-Ījāz* menggabungkan konsep ‘timbul ilmu’ dan ‘dari bumi’ secara padat namun berkesan.

Dari sudut seni pengimejan pula, ungkapan ini menggunakan *Perbandingan Konseptual yang Terancang* dengan membandingkan langit dengan proses pengetahuan yang muncul dari bumi untuk menggambarkan hubungan antara dimensi metafizik dengan sumber pengetahuan. *Kontekstual Budaya, Nilai, Kepercayaan dan Norma Sosial* memainkan peranan penting apabila langit mewakili pengetahuan tinggi atau Ilahi, sementara bumi melambangkan sumber ilmu yang mendalam dan asas. Ungkapan ini menunjukkan kepercayaan budaya bahawa pengetahuan yang tinggi berkembang daripada pengalaman duniawi dan pemahaman yang mendalam.

Timbulnya ilmu dari bumi melambangkan hikmah dan pengetahuan yang diperoleh melalui pengalaman hidup dan refleksi rohani. Dalam konteks sufisme, bumi mewakili pengalaman duniawi sebagai sumber pembelajaran dan pemahaman, sementara langit melambangkan pengetahuan Ilahi dan hikmah yang tinggi.

Oleh itu, analisis mendapati ungkapan ini menggabungkan imej *tamthīl* dan simbolisme untuk menyampaikan makna yang mendalam mengenai hubungan antara dimensi metafizik dengan duniawi untuk memberikan kesan yang kuat dan reflektif

tentang bagaimana pengetahuan dan hikmah berkembang.


Struktur Bahasa dan Seni Pengimejan Isti'arah

Al-Jurjānī (1954) menyatakan bahwa *isti'arah* adalah sejenis *tashbīh* yang menonjolkan persamaan antara dua objek melalui proses tertentu. Ia juga berfungsi sebagai bentuk *tamthīl*, iaitu perbandingan yang mensimulasikan kembali perihal tertentu. Dalam erti kata lain, persamaan ini adalah *qiyās*, yang merujuk kepada perbandingan berdasarkan ciri persamaan yang dihayati melalui hati dan difahami oleh akal, bukan sekadar melalui deria.

Rajah 6 memaparkan seni pengimejan *isti'arah* berdasarkan teori al-Jurjānī. Seni pengimejan ini dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu *isti'arah ekspresif* dan *isti'arah mati*. *Isti'arah* ekspresif merujuk kepada penggunaan metafora yang bersifat

dinamik dan imaginatif yang melibatkan penggantian elemen dan penggabungan elemen. Penggantian elemen ialah sesuatu perkara dijadikan sesuatu perkara yang lain dengan meletakkannya untuk merujuk perkara lain daripada rujukan asal. Pendekatan ini menonjolkan kebolehan bahasa untuk mentransformasikan makna secara kreatif. Penggabungan elemen pula ialah sesuatu perkara digabungkan dengan sesuatu perkara yang lain, walaupun gabungan tersebut tidak wujud di alam nyata. Teknik ini menekankan unsur simbolisme dan keindahan imajinasi yang mendalam dalam penyampaian maksud.

Sementara itu, *isti'arah* mati lebih bersifat statik apabila metafora digunakan secara tetap tanpa perubahan makna yang mendalam atau kreatif. Ia merujuk kepada metafora yang telah menjadi sebahagian daripada penggunaan bahasa harian dan kurang menonjolkan unsur imaginatif.



Rajah 6: Seni Pengimejan *Isti'arah* al-Jurjānī (Al-Jurjānī, 1954)

Oleh yang demikian, rajah ini mencerminkan kehalusan dan kompleksiti seni pengimejan *isti'arah* dalam teori al-Jurjānī. Pendekatan ini bukan sahaja menunjukkan keindahan bahasa dalam mengungkapkan makna, bahkan menggambarkan keupayaan metafora

untuk membawa dimensi pemahaman yang lebih mendalam dalam karya sastera.

'menyaring air pada tapishalus batini'

Ungkapan 'menyaring air pada tapishalus batini' mengandungi pelbagai teknik

struktur bahasa dan seni pengimejan yang memberikan makna yang mendalam dan simbolik. Teknik *Al-Af'āl* dilihat melalui 'menyaring' yang menjadi kata kerja utama dan menggambarkan tindakan penyaringan yang memerlukan tumpuan khusus. Sementara itu, teknik *al-Qaṣr* hadir dalam 'pada tapis halus batini' yang mengehadkan dan memperjelas tindakan menyaring tersebut untuk mengarahkannya kepada aspek batini atau rohani.

Teknik *al-Waṣl* tidak dinyatakan secara langsung, namun hubungan antara teknik frasa ini boleh difahami melalui *al-Waṣl* yang tersirat. *Al-Musnad* 'menyaring' menjadi teknik utama dalam ungkapan ini, manakala *al-Musnad Ilayhinya* yang tersirat, iaitu Kemala, memberikan makna yang lebih luas kepada tindakan tersebut. Ungkapan ini menunjukkan walaupun *al-Musnad Ilayhi* tidak dinyatakan secara langsung, ia masih memainkan peranan penting dalam memberikan konteks dan makna kepada *al-Musnad*. Teknik *al-Iṭnāb* dalam ungkapan ini terletak pada frasa 'tapis halus batini' yang memberikan penjelasan lanjut tentang konteks dan proses penyaringan tersebut.

Dari segi seni pengimejan, ungkapan 'menyaring air pada tapis halus batini' merupakan satu bentuk metafora yang menggambarkan proses mendalam dan teliti dalam memahami aspek kerohanian atau batin. Berdasarkan teori *isti'ārah* al-Jurjānī, ungkapan ini dapat dikategorikan sebagai *isti'ārah ekspresif* kerana ia melibatkan penggantian elemen dan gabungan simbolik yang tidak wujud dalam realiti fizikal untuk menyampaikan makna yang mendalam. Air dalam ungkapan ini melambangkan pemikiran, perasaan, atau ilmu yang ingin ditapis untuk mencapai kemurnian, manakala 'tapis halus' mewakili ketelitian dalam proses ini. Gabungan tindakan menyaring air dengan tapis halus batini mencipta gambaran

imaginatif tentang usaha manusia untuk menapis kekotoran batin atau idea-idea yang tidak murni, menuntut refleksi mendalam dan introspeksi diri.

Dalam konteks sufisme, ungkapan ini melambangkan proses penyucian jiwa melalui amalan-amalan rohani. Proses menyaring air ini menggambarkan penyucian dan penjernihan hati melalui kehalusan batini yang hanya boleh dicapai melalui tazkiyah (penyucian diri). Kesemua teknik struktur bahasa dan seni pengimejan ini bersama-sama membentuk ungkapan yang kaya dengan makna simbolik, lalu memberikan kesan retorik yang mendalam dan menggambarkan keindahan bahasa yang digunakan dalam konteks rohani.

'berlayar lancar kapalku di awan-awan baldu'

Ungkapan 'berlayar lancar kapalku di awan-awan baldu' mengandungi pelbagai teknik struktur bahasa yang menyokong makna puitis dan visualnya. Dari aspek struktur bahasa, teknik-teknik utama termasuklah penggunaan *al-Af'āl* 'berlayar' iaitu kata kerja berpola yang menggambarkan tindakan pelayaran dengan lancar dan tenang. *Al-Musnad Ilayhi* 'kapalku' berfungsi sebagai subjek yang merujuk kepada 'kapal' milik Kemala. Teknik *al-Qaṣr* dilihat pada frasa 'di awan-awan baldu' yang memberikan konteks kepada tindakan 'berlayar' untuk memperjelas lokasi atau keadaan ketika pelayaran itu berlaku. Sementara itu, teknik *al-Iṭnāb* digambarkan melalui suasana lembut dan halus dengan deskripsi 'awan-awan baldu' yang memberikan gambaran visual yang jelas.

Al-Musnad 'berlayar lancar' ialah predikat yang menggambarkan tindakan utama yang dilakukan oleh subjek 'kapalku'. *Al-Waṣl* 'dan' tersirat dalam struktur ini untuk menghubungkan idea pelayaran dengan

keadaan awan, walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit. Teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* juga disandarkan pada *al-Musnad* 'berlayar lancar' mendahului *al-Musnad Ilayhi* 'kapalku' untuk menekankan tindakan sebelum menyebut subjek. Di samping itu, teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* ini turut ditonjolkan pada frasa 'di awan-awan baldu' untuk memberikan maklumat tambahan mengenai tempat atau keadaan ketika tindakan itu berlaku yang datang selepas *al-Musnad* dan *al-Musnad Ilayhi*.

Dari aspek seni pengimejan, ungkapan ini menggabungkan elemen simbolik yang bersifat imaginatif dan tidak wujud dalam realiti fizikal. Dalam ungkapan ini, 'kapal' dan 'awan-awan baldu' adalah simbol yang digunakan untuk menggambarkan perjalanan hidup atau pengalaman emosi yang lancar dan lembut. 'Kapalku' melambangkan subjek yang menjalani perjalanan tersebut, manakala 'awan-awan baldu' memberi gambaran tentang suasana atau keadaan yang tenang, lembut dan nyaman. Gabungan elemen-elemen ini mencipta gambaran simbolik yang menonjolkan keindahan dan kelancaran perjalanan, sesuatu yang tidak wujud secara literal tetapi dirasakan melalui pengalaman batin.

Ungkapan ini juga menggambarkan fungsi *isti'ārah ekspresif* dalam memperkaya makna melalui gabungan elemen yang tidak wujud di alam nyata. Gabungan kapal dan awan-awan baldu memberikan dimensi estetik yang mengangkat emosi dan imaginasi pembaca, menjadikannya alat retorik yang kuat untuk menyampaikan rasa harmoni atau kebahagiaan.

Dalam konteks sufisme, perjalanan kapal di awan baldu melambangkan pencarian rohani yang penuh dengan ketenangan dan bimbingan daripada Ilahi serta mencerminkan kelancaran dan kedamaian

dalam perjalanan spiritual. Kesan retorik ungkapan ini menguatkan imejan damai dan harmoni yang ingin disampaikan oleh Kemala.

'ombak dan laut bergulung, teranyam baju dan benang'

Ungkapan 'ombak dan laut bergulung, teranyam baju dan benang' mencerminkan kekayaan struktur bahasa yang mendalam dan simbolik. Dalam analisis ini, beberapa elemen struktur bahasa yang penting telah dikenal pasti.

Terdapat teknik *al-Tikrār* dalam penggunaan kata hubung 'dan' yang menghubungkan dua elemen dalam setiap frasa, iaitu 'ombak dan laut' serta 'baju dan benang'. *Al-Tikrār* ini memberikan kesinambungan dan keterhubungan antara kedua-dua frasa. Teknik *al-Faṣl* juga dilihat dalam penggunaan kata 'dan' untuk menghubungkan dua elemen berbeza dalam kedua-dua frasa tersebut. Frasa 'ombak dan laut' serta 'baju dan benang' dihubungkan dengan kata 'dan' yang menyatukan konsep yang berbeza dalam satu ungkapan. Penggunaan *al-Tikrār* dalam konsep 'dan' juga dilihat sebagai penghubung yang menguatkan sambungan antara elemen yang berbeza dalam struktur bahasa ini, lalu menjadikan hubungan antara alam dengan manusia lebih menonjol.

Teknik *al-Iṭnāb* muncul melalui penerangan terperinci tentang dua situasi yang berbeza, iaitu fenomena alam 'ombak dan laut bergulung' dan proses tekstil 'teranyam baju dan benang'. Imej ini menunjukkan dua aspek yang berbeza dalam kehidupan yang saling berkaitan melalui pergerakan dan penciptaan.

Dalam aspek seni pengimejan, ungkapan ini menggambarkan hubungan atau interaksi dinamik antara unsur-unsur alam

dengan konsep kehidupan. Berdasarkan teori *isti'ārah* al-Jurjānī, ungkapan ini menggabungkan elemen-elemen yang tidak wujud secara literal tetapi direka untuk menyampaikan makna mendalam melalui simbolisme. 'Ombak' dan 'laut' menggambarkan dinamika pergerakan dan ketidaktentuan dalam kehidupan, manakala 'baju' dan 'benang' melambangkan hubungan yang terjalin erat, kestabilan atau hasil yang terbentuk daripada proses tersebut. Gabungan elemen-elemen ini memberikan dimensi estetika yang membangkitkan imaginasi pembaca terhadap keindahan dan keunikan hubungan antara fenomena alam dengan kehidupan manusia.

Ungkapan ini juga menonjolkan fungsi *isti'ārah ekspresif* dalam memperkaya makna melalui gabungan simbolik yang bersifat kreatif. Tindakan 'ombak dan laut bergulung' menunjukkan dinamika kehidupan, manakala 'teranyam baju dan benang' menekankan pembentukan makna yang bersifat harmoni, meskipun melalui proses yang kompleks. Gabungan ini tidak wujud di alam nyata, menjadikannya satu bentuk pernyataan simbolik yang mengangkat keindahan dan kedalaman emosi manusia.

Dari sudut makna simbolik sufisme, 'ombak dan laut' melambangkan cabaran dan perubahan yang berlaku dalam kehidupan, manakala 'teranyam baju dan benang' menggambarkan hasil kecantikan dan keteraturan yang muncul daripada kekacauan dan cabaran tersebut. Ungkapan ini menyampaikan mesej yang mendalam tentang bagaimana perubahan dan cabaran hidup boleh memberikan hasil yang harmoni dan indah serta menekankan keseimbangan antara kekacauan dengan keteraturan dalam kehidupan.

'perarakan Pingai kembali ke sarang asalnya'

Ungkapan 'perarakan Pingai kembali ke sarang asalnya' memberikan gambaran yang mendalam dan simbolik. Dari sudut struktur bahasa, beberapa teknik penting dapat dikenal pasti. Pertama, penggunaan *al-Ta'rif* seperti 'Pingai' dan 'sarang asalnya' memberikan kejelasan mengenai subjek dan objek untuk menunjukkan entiti yang jelas terlibat dalam tindakan ini. Selain itu, teknik *al-Ījāz* yang digunakan, walaupun ringkas, penuh dengan makna. Perkataan 'perarakan' menunjukkan tindakan yang berlaku, manakala 'kembali ke sarang asalnya' menggambarkan tujuan atau destinasi tindakan tersebut. Teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* juga diterapkan dengan *al-Musnad* 'perarakan' mendahului *al-Musnad Ilayhi* 'Pingai' untuk menekankan tindakan sebelum memperkenalkan subjek. Tambahan pula, ungkapan ini memberikan keterperincian dengan menyatakan tindakan dan tujuannya secara spesifik untuk memudahkan pemahaman mengenai makna keseluruhan bagi ungkapan tersebut.

Dari aspek seni pengimejan, ungkapan ini menggunakan elemen simbolik untuk menyampaikan makna mendalam melalui imaginasi. Dalam ungkapan ini, 'Pingai' merujuk kepada sesuatu yang bergerak atau merantau, manakala 'sarang asalnya' melambangkan tempat permulaan atau destinasi terakhir yang mempunyai nilai asal-usul dan identiti. Diksi 'perarakan' pula menggambarkan proses kembali dengan penuh simbolisme, seolah-olah sesuatu entiti itu sedang bergerak dengan penuh tertib dan makna untuk mencapai destinasi yang ditakdirkan. Gabungan unsur-unsur ini membangkitkan gambaran tentang kitaran kehidupan atau perjalanan spiritual yang akhirnya membawa

seseorang atau sesuatu kembali kepada titik permulaan yang autentik.

Melalui *isti'ārah ekspresif*, gabungan antara 'Pingai' dan 'sarang asalnya' mencipta makna yang tidak wujud secara literal di alam nyata tetapi memperkayakan imaginasi dan emosi pembaca. Ia melibatkan penggantian dan gabungan elemen yang tidak nyata tetapi memberikan makna yang lebih mendalam kepada pergerakan atau perjalanan tersebut. Metafora ini juga membawa unsur kerohanian atau falsafah kehidupan yang menekankan pentingnya kembali kepada akar umbi, sama ada secara fizikal, emosi atau rohani.

Dalam konteks sufisme, ungkapan ini memiliki makna simbolik yang kuat. Diksi 'perarakan' boleh dianggap sebagai perjalanan rohani bagi seseorang individu atau jiwa yang sedang mendekati dirinya dengan Tuhan. Frasa 'sarang asalnya' pula melambangkan keadaan asal yang suci atau murni untuk menggambarkan tujuan akhir perjalanan rohani tersebut, iaitu kembali kepada keadaan asal atau bersatu dengan Tuhan. Jika 'Pingai' merujuk kepada individu atau jiwa dalam konteks ini, ia menggambarkan perjalanan rohani yang mendalam dan penuh makna, iaitu individu tersebut berusaha untuk mencapai 'kesatuan' dengan Tuhan dan pemulihan keadaan asal yang suci.

Ungkapan 'perarakan Pingai kembali ke sarang asalnya' turut mencerminkan satu perjalanan rohani yang mendalam dan bertujuan untuk kembali kepada keadaan asal atau mendekati diri dengan Tuhan. Struktur bahasa dan seni pengimejan yang digunakan dalam ungkapan ini memperkuat makna simbolik tersebut dan menjadikannya sebuah gambaran yang

mendalam tentang perjalanan pencarian diri dalam konteks sufisme.

Kesimpulan

Kajian terhadap struktur bahasa dalam puisi *Mengenang-Mu* karya Kemala menunjukkan penggunaan teknik pengayaan bahasa yang kompleks dan halus dalam menyampaikan tema spiritual dan falsafah. Teknik *al-Taqdīm wa-al-Ta'khīr* seperti dalam ungkapan 'kubebat lukaku' menekankan tindakan sebelum subjek yang melambangkan keutamaan pengalaman batin penyair dalam perjalanan rohaninya. Kemala turut menggunakan teknik *al-Qaṣr* dan *al-Iṭnāb* untuk memberikan keterangan tambahan seperti frasa 'di gurun tandus' yang bukan sahaja melukiskan gambaran geografi, bahkan satu manifestasi keadaan batin yang tandus dan sukar. Selain itu, teknik *al-Ta'rif* dan *al-Ījāz* berfungsi untuk menambah dimensi kepastian dan keringkasan yang memudahkan pemahaman tanpa mengorbankan kedalaman makna. Penggunaan simbolisme dan metafora seperti 'perarakan Pingai kembali ke sarang asalnya' menggambarkan perjalanan jiwa menuju Tuhan dalam konteks sufisme. Teknik ini menghubungkan konsep abstrak dengan realiti fizikal apabila Kemala menjadikan idea rohani yang kompleks lebih mudah difahami. Kemala berjaya menggabungkan struktur bahasa dan seni pengimejan untuk mencipta puisi yang indah dan penuh makna, di samping memperkayakan pengalaman pembaca dengan lapisan pemikiran dan emosi. Kajian ini membuktikan potensi puisi Kemala sebagai medium yang menghubungkan bahasa, simbolisme dan makna spiritual dalam sastera Melayu moden serta membuka ruang untuk kajian lanjut dalam bidang ini.

Rujukan

Abdullah, A. K. (1983). 'Ayn: Kemala. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah, A. K. (2010). Simbolisme dalam puisi Islam di Malaysia 1970-1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Deeb, K. (1979). Al Jurjani's theory of poetic imagery (Approaches to Arabic Literature). Oxford: Aris & Phillips Ltd Publishers.

Ali, A. H. (2010). Konsep estetika bersepadu: Terapan dan analisis terhadap karya-karya puisi Ahmad Kamal Abdullah. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Al-Jurjānī, A. Q. A. R. M. (1954). *Asrār al-balāghah*. Istanbul: Maṭba'ah Wazārah al-Ma'ārif.

Al-Jurjānī, A. Q. A. R. M. (2004). *Dalāil al-'ijāz*. Kaherah: Maktabah al-Khaniji.

Chair, B. M. (2021). Sufism in the poems of Ahmad Kamal Abdullah. *Malay Literature*, 34(1): 89–102.

Chowdhury, S. Z. (2015). *Introducing arabic rhetoric*. United State of America: Dar Al-Nicosia Publishing House.

Günaydın, M. (2008). The idea of 'multiple meanings' in al-Jurjānī's theory of composition. *İstanbul Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, Sayı. Seminar of Arabic Literature and Literary Theory (AMES 434) at the University of Pennsylvania in 1996, 127-143.

Hassan, M. M. (1990). *Proses penciptaan puisi: A. Wahab Ali, Dharmawijaya dan Kemala*. Kuala Lumpur: Perniagaan Bumi Cemerlang.

Hussin, M. dan Yahaya, S. R. (2022). *Gaya bahasa kiasan dan retorik dalam Titah*

Sultan Perak DYMM Sultan Nazrin Shah. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2): 136-152.

Ishak, A. dan Samah, R. (2018). The aesthetics of a sufist poet, Ahmad Kamal Abdullah, known as Kemala. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 17(1): 113-151.

Muhamad, K. (1988). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor, F. W. M. (2021). *Biografi ringkas penerima S.E.A write award*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pogadaev, V. dan Pogadaeva, A. (2015). Karya Kemala dari segi kriteria sastera antarabangsa. Seminar pemikiran Sasterawan Negara Dato' Dr. Ahmad Kamal Abdullah. 17-18 September 2015. Dewan Seminar Dato' Hassan Ahmad, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Shaffine, N. H. C. (2015). Pemikiran Islam dalam 'Ayn karya Kemala. *Jurnal Melayu*, 14(2): 240-259.